



UNIVERSITI PENYELIDIKAN

AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000 (AKTA 605)

KHAIRULL AZMI BIN ISHAK
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
PEJ. PENDAFTAR, UTM

MENJANA MINDA KREATIF & INOVATIF

TUJUAN

Mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan tata tertib dan pengenaan surcaj ke atas pegawai-pegawai badan berkanun yang diperbadankan oleh undang-undang persekutuan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.



MAKSUD BADAN BERKANUN

Seksyen 4 Akta 605

- ❖ “**badan berkanun**” ertinya suatu badan, walau dengan apa pun disebut yang diperbadankan oleh undang-undang persekutuan bagi maksud Kerajaan Persekutuan, tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan.
- ❖ “**undang-undang persekutuan**” ertinya sesuatu Akta Parlimen atau sesuatu Ordinan yang berhubungan dengan apa-apa perkara yang berkenaan dengannya Parlimen boleh membuat undang-undang atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawah sesuatu Akta Parlimen atau Ordinan itu.





MAKSUD BADAN BERKANUN

*UTM diperbadankan melalui Perintah (Perbadanan)
Institut Teknologi Malaysia, 1972. Perintah ini
diwujudkan di bawah seksyen 6 Akta Universiti dan Kolej
Universiti 1971 yang memperuntukkan kuasa Yang di
Pertuan Agong setelah diterima oleh kedua-dua Majlis
Parlimen untuk mewujudkan suatu Universiti*

MAKSUD PERKHIDMATAN AWAM

**Seksyen 3 Perlembagaan UTM
memperuntukan:**

*“Maka dengan ini tertubuhlah... suatu
Universiti yang dinamakan dan digelar
Universiti Teknologi Malaysia, dan dengan
nama dan gelaran ini Dengan ini
ditubuhkan sebagai suatu pertubuhan
perbadanan yang kekal temurun, dan
mempunyai kuasa penuh...”*



KUATKUASA PERUNDANGAN

*Akta Badan-Badan Berkanun (**Tataterrib**
dan Surcaj) diwujudkan oleh Parlimen.
Maka itu mempunyai kuatkuasa
perundangan dan bersifat
mandatori.*



PIHAK BERKUASA TATATERTIB

Seksyen 6 Akta 605

Seseorang pegawai yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib oleh suatu Jawatankuasa Tatatertib boleh merayu terhadap keputusan itu kepada Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan yang ditubuhkan mengikut Bahagian II Jadual Ketiga dan Lampiran kepada jadual itu.



PIHAK BERKUASA TATATERTIB

Seksyen 6 Akta 605

- (1) Pihak-pihak berkuasa tatatertib berkenaan dengan pelbagai kategori pegawai ialah Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan mengikut bahagian 1 Jadual Ketiga.**

- (2) Dalam menjalankan bidang kuasa tatatertibnya, Jawatankuasa Tatatertib mematuhi tatacara yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan (Jadual Kedua)**

KUASA JAWATANKUASA TATATERTIB

Perenggan 2 Jadual Ketiga:

- ❖ Jawatankuasa Tatatertib yang mempunyai bidang kuasa atas semua perkara yang berhubungan dengan kelakuan dan tatatertib setiap kategori pegawai yang dinyatakan dalam ruang Pertama Lampiran ialah Jawatankuasa Tatatertib yang terdiri daripada anggota yang dinyatakan dalam ruang Ketiga Lampiran berhubung dengan kategori itu.



Perenggan 3 Jadual Ketiga:

- ❖ Dalam menjalankan fungsinya di bawah Akta ini, tiap-tiap Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mematuhi Peraturan-Peraturan dalam Jadual Kedua.

KANDUNGAN AKTA 605

- ❖ **Bahagian I -** Permulaan
- ❖ **Bahagian II -** Tatatertib
- ❖ **Bahagian III-** Penamatan Demi Kepentingan Awam
- ❖ **Bahagian IV** - Surcaj
- ❖ **Bahagian V -** Kuasa Perdana Menteri & Menteri

KANDUNGAN

- ❖ **Bahagian VI** - Am
- ❖ **Bahagian VII** - Keterhentian Pemakaian,
Kecualian dan Peralihan
- ❖ **Jadual Pertama** - Badan Berkanun Yang
Baginya Akta ini Tidak
Terpakai

KANDUNGAN

- Jadual Kedua -** Peraturan-Peraturan
Tatatertib Badan-Badan Berkanun
- Jadual Ketiga -** Keanggotaan dan
Bidangkuasa Jawatankuasa
Rayuan Tatatertib Badan
Berkanun

Lampiran

TATATERTIB

Seksyen 5 Akta 605

Peraturan-peraturan hendaklah terpakai berkenaan dengan tatatertib pegawai-pegawai badan berkanun.

- * Menggunakan Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan Berkanun yang terdapat dalam Jadual Kedua Akta 605.

PERATURAN TATATERTIB

Pemakaian

Per 1

- (1) *Peraturan ini hendaklah terpakai bagi seseorang pegawai badan berkanun sepanjang tempoh perkhidmatannya dan, berkenaan dengan tempoh pegawai yang tidak memilih untuk memasuki Sistem Saraan Baru, hendaklah terpakai dan apa-apa ubahsuaian yang perlu dan patut dengan mengambil kira syarat-syarat perkhidmatannya.*

- (2) *Perlanggaran mana-mana peruntukan tatakelakuan yang dinyatakan dalam Peraturan ini oleh seseorang pegawai boleh menyebabkan dikenakan tindakan tatatertib.*

KESALAHAN TATATERTIB

Peraturan 3 -

Menumpukan taat setia kepada Seri Paduka Baginda
Yang Dipertuan Agong, Negara dan Kerajaan

Tidak boleh berkelakuan yang mungkin boleh kepentingan peribadi bercanggah dengan kewajipan atau yang mungkin menimbulkan syak munasabah atau sehingga memburukkan atau mencemarkan nama badan berkanun

KESALAHAN TATATERTIB

- ***Tidak jujur atau tidak amanah***
- ***Tidak bertanggungjawab***
- ***Tidak boleh membawa pengaruh luar***
- ***Tidak boleh ingkar perintah***
- ***Tidak boleh cuai dalam menjalankan tugas***

Peraturan 4 - **Pekerjaan Luar**

Peraturan 5 - **Etiket Pakaian**

Peraturan 6 - **Dadah**

Peraturan 7 - **Hadiah**

Peraturan 8 - **Keraian**

KESALAHAN TATATERTIB

Peraturan 9 - **Pemunyaan Harta**

Peraturan 10 - **Menyenggara Taraf Kehidupan Melebihi Emolumen dan Pendapatan Persendirian yang sah**

Peraturan 11 - **Meminjam wang**

Peraturan 12 - **Keterhutangan kewangan yang serius**

Peraturan 14 - **Meminjamkan**

KESALAHAN TATATERTIB

- | | | |
|---------------------|---|---|
| Peraturan 17 | - | Penerbitan Buku |
| Peraturan 18 | - | Membuat Pernyataan Awam |
| Peraturan 19 | - | Larangan Bertindak Sebagai Penyunting Dalam Mana-Mana Penerbitan |
| Peraturan 20 | - | Mengambil Bahagian Dalam Politik |
| Bahagian III | - | Tidak hadir untuk bertugas.
(Per 22-26) |

DEFINISI SURCAJ

SURCAJ ADALAH TINDAKAN MENGUTIP BALIK WANG ATAU NILAI WANG BAGI HARTA KERAJAAN YANG HILANG ATAU YANG TIDAK DAPAT DIKUTIP, YANG DIKENAKAN TERHADAP PENJAWAT AWAM YANG BERTANGGUNGJAWAB ATAS PERKARA ITU, KERANA KECUAIANNYA, KELALAIANNYA, KEALPAANNYA ATAU TINDAKANNYA YANG KURANG BERHATI-HATI



SURCAJ – Seksyen 14 Akta 605

Seseorang yang adalah atau pernah berada dalam pengajian sesuatu badan berkanun boleh di surcaj jika ternyata kepada Lembaga bahawa orang itu:

- a) *Tidak atau telah gagal untuk memungut apa-apa wang yang terhutang kepada badan berkanun yang bagi pemungutnya adalah atau telah dipertanggungjawabkan.*
- b) *Adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak sepatutnya daripada badan berkanun atau bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya.*

SURCAJ-Seksyen 14 Akta 605

- c) Adalah atau telah bertanggungjawab, secara langsung atau tidak langsung atau apa-apa kekurangan pada atau pemusnahan apa-apa wang, setem, sekuriti, barang simpanan atau harta badan berkanun.
- d) Sebagai atau sebagai seorang yang pernah menjadi seorang pegawai akaun, atau tidak atau telah gagal untuk menyimpan atau memantau akaun atau rekod yang sepatutnya bagi badan berkanun.

SURCAJ-Seksyen 14 Akta 605

- (e) *Tidak atau telah gagal untuk membuat apa-apa pembayaran, atau adalah telah bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam pembayaran wang daripada badan berkanun kepada mana-mana undang-undang atau di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan badan berkanun.*

Rujuk seksyen 15 - 22

HUKUMAN TATATERTIB

Peraturan 40 memperuntukan:

- (a) Amaran
- (b) Denda
- (c) Lucut hak Emolumen
- (d) Tangguh pergerakan gaji
- (e) Turun gaji
- (f) Turun Pangkat
- (g) Buang Kerja



UNIVERSITI PENYELIDIKAN

JAWATANKUASA TATATERTIB

MENJANA MINDA KREATIF & INOVATIF

JAWATANKUASA TATATERTIB

Bagi Kategori Pegawai:

1. Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan A di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976, keahliannya ialah:
 - (a) *Pengerusi Lembaga*
 - (b) *Ketua Setiausaha Kementerian*
 - (c) *2 orang anggota lembaga, yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga*

Bidangkuasanya ialah tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat.

JAWATANKUASA TATATERTIB

Bagi kategori Pegawai:-

2. Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi keahliannya ialah:
 - (a) *Pengerusi Lembaga*
 - (b) *Ketua Setiausaha Kementerian*
 - (c) *2 orang anggota Lembaga, yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga*

Bidangkuasanya ialah tindakan tatatertib bukan dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat.

JAWATANKUASA TATATERTIB

3. Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan A di bawah Laporan Jawatankuasa 1976, keahliannya ialah:
- (a) *Ketua Pengarah*
 - (b) *Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian (Pentadbiran)*
 - (c) *2 orang anggota Lembaga, yang dilantik oleh Pengurus Lembaga*

Bidangkuasanya ialah tindakan tatatertib bukan dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat.

JAWATANKUASA TATATERTIB

4. Kumpulan Sokongan dan Kumpulan B, C dan D di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976, keahliannya ialah:
- (a) *Ketua Pengarah*
 - (b) *Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian (Pentadbiran)*
 - (c) *Penasihat Undang-Undang Kementerian*
 - (d) *2 orang anggota Lembaga, yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga*

Bidangkuasanya ialah tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat

JAWATANKUASA TATATERTIB

5. Kumpulan Sokongan dan Kumpulan B, C, dan D di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976, keahliannya ialah:
- (a) *Timbalan Ketua Pengarah*
 - (b) *Ketua Bahagian yang bertanggungjawab bagi hal pentadbiran di Kementerian*
 - (c) *Penasihat Undang-Undang Kementerian*
 - (d) *2 anggota Lembaga, yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga*

Bidangkuasanya ialah tindakan tatatertib bukan dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat



JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB

MENJANA MINDA KREATIF & INOVATIF

JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB

Bagi kategori Pegawai:-

1. Ketua Pengarah, Timbalan Pengarah, Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan A di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976, keahliannya ialah:
 - (a) Menteri
 - (b) *2 orang anggota Lembaga, yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga.*

Bidangkuasanya ialah tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat.

JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB

2. Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi, keahliannya ialah:
- (a) Menteri
 - (b) *2 orang anggota Lembaga, yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga*

Bidangkuasanya ialah tindakan tatatertib bukan tujuan buang kerja atau turun pangkat.

JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB

3. Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan A di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976, keahliannya ialah:
- (a) *Ketua Setiausaha Kementerian*
 - (b) *2 orang anggota Lembaga, yang dilantik oleh Pengurus Lembaga*

Bidangkuasanya ialah tindakan tatatertib bukan dengan tujuan buang kerja atau

JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB

4. Kumpulan Sokongan dan Kumpulan B, C dan D dibawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976, keahliannya ialah:
- (a) *Ketua Setiausaha Kementerian*
 - (b) *2 orang anggota Lembaga, yang dilantik oleh Pengurus Lembaga*

Bidangkuasanya ialah tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat

JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB

5. Kumpulan Sokongan dan Kumpulan B, C dan D di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976, keahliannya ialah:

- (a) *Ketua Pengarah*
- (b) *Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian (Pentadbiran)*
- (c) *2 anggota Lembaga, yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga*

Bidangkuasanya ialah tindakan tatatertib bukan dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat.

JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB

Perenggan 12 Jadual Ketiga:

Hendaklah ditubuhkan bagi sesuatu badan berkanun Jawatankuasa Tatatertib Rayuan yang dinyatakan dalam Lampiran

KUASA JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB

Perenggan 13 Jadual Ketiga:

- (1) Jawatankuasa Rayuan Tataterib hendaklah mempunyai kuasa untuk menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pegawai terhadap keputusan sesuatu Jawatankuasa Tataterib
- (2) Jawatankuasa Rayuan Tataterib berkenaan dengan setiap kategori pegawai yang dinyatakan dalam ruang pertama Lampiran ialah Jawatankuasa Tataterib yang terdiri daripada anggota yang dinyatakan dalam ruang Lampiran berhubung dengan kategori itu.



TATACARA RAYUAN

MENJANA MINDA KREATIF & INOVATIF

TATACARA RAYUAN

Perenggan 20 Jadual Ketiga:

- (1) Sesuatu rayuan oleh mana-mana pegawai yang telah didapati bersalah atau sesuatu Tatatertib hendaklah dibuat secara bertulis, melalui Ketua Jabatan kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib yang berkenaan dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan Jawatankuasa tatatertib disampaikan kepadanya.
- (2) Ketua Jabatan hendaklah, tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh menerima rayuan, mengemukakan rayuan berserta ulasannya kepada Jawatankuasa Tatatertib yang terhadap keputusannya.

TATACARA RAYUAN

- (3) Dalam tempoh 30 hari dari tarikh Jawatankuasa Tatatertib menerima rayuan dan ulasan Ketua Jabatan, Jawatankuasa Tatatertib yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat hendaklah menyebabkan 1 salinan rekod prosiding tatatertib terhadap pegawai dihantar kepada Jawatankuasa Tatatertib berserta dengan alasan keputusannya.
- (4) Pengerusi Jwatankusa Rayuan Tatatertib boleh melanjutkan tempoh yang dinyatakan dalam subperenggan (1), (2) dan (3) atas permohonan pegawai dan apabila sebab yang mencukupi diberikan.

BIDANGKUASA JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB

Perenggan 22

- (1) Jawatankuasa Rayuan Tatatertib boleh:
 - (a) menghantar balik kes kepada Jawatankuasa Tatatertib untuk ditimbang semula;
 - (b) mengesahkan keputusan Jawatankuasa Tatatertib;
 - (c) mengesahkan keputusan Jawatankuasa tatatertib mengubah hukuman kepada suatu hukuman lebih ringan;
 - (d) mengakaskan keputusan dan hukuman Jawatankuasa Tatatertib dan membebaskan pegawai daripada pertuduhan.
- (2) Keputusan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib adalah muktamad.

ACARA TINDAKAN TATATERTIB

1. Tindakan

- ❖ *Melaporkan secara bertulis kepada Ketua Jabatan atau pegawai kanan jabatan;*
- ❖ *Ketua Jabatan mengadakan siasatan;*
- ❖ *Hasil siasatan dilaporkan kepada Jawatankuasa Tatatertib;*
- ❖ *Pertuduhan dibuat bilamana ada prima facie kes;*
- ❖ *Pertuduhan dihantar dan diberi tempoh 21 hari menjawab pertuduhan;*
- ❖ *Dijalankan perbicaraan dan dijatuhkan hukuman;*
- ❖ *Mempunyai 14 hari tempoh rayuan;*
- ❖ *Tiada rayuan hukuman dikuatkuasakan.*

ACARA TINDAKAN TATATERTIB

2. Surat Pertuduhan

- ❖ *Tarikh dan masa kejadian;*
- ❖ *Tempat kejadian;*
- ❖ *Perbuatan yang dilakukan;*
- ❖ *Peruntukan undang-undang yang dilanggar.*



UNIVERSITI PENYELIDIKAN



Terima Kasih!

MENJANA MINDA KREATIF & INOVATIF